

# Kempen 'Katakan tidak kepada mercun'



**NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED**

SETIAP kali menjelang musim perayaan yang besar seperti sambutan bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri itu mercun terus mencuri perhatian umum. Hampir setiap tahun juga kita disajikan dengan pelbagai berita kecederaan dan kecelakaan angkara bermain mercun. Anak-anak terus menjadi mangsa dan apa yang pasti sehingga kini belum nampak tanda-tanda musibah ini akan menemui titik noktah.

Justeru dicadangkan agar diadakan kempen besar-besaran dengan segera iaitu 'Katakan tidak kepada mercun.' Hal ini dikira cukup signifikan kerana sudah mula kedengaran ada beberapa kes kanak-kanak yang menjadi mangsa mercun misalnya dua kes pertama untuk tahun ini berlaku di Kuala Terengganu membabitkan mangsa berusia sembilan dan 13 tahun yang nyaris kehilangan jari dan juga tangan selepas terkena letupan mercun bola di samping tiga kes di Kedah yang menyaksikan seorang remaja lelaki berusia 14 tahun hancur tiga jari kiri, manakala dua lagi masing-masing berusia tujuh dan lapan tahun cedera pada mata serta jari.

Kejadian ini membuktikan walaupun setiap tahun kita didehdakan dengan pelbagai berita kecederaan dan musibah yang menimpah anak-anak kita angkara bermain mercun namun anak-anak tetap tidak serik dan masih gagal untuk mengambil iktibar. Ini menggambarkan seolah-olah Ramadan dan Aidilfitri tidak lengkap jika tidak dihiasi dengan dentuman bunga api dan mercun.

Hakikatnya mereka lupa bahawa saban tahun pesta mercun dan bunga api ini pasti terus membawa khabar pilu dan derita kepada anak-anak kita. Lebih malang lagi anak-anak ini memperagakan daya kreativiti mereka pada tempat yang salah dan merugikan dengan mengubahsuai mahupun membuat sendiri mercun mengikut kehendak masing-masing yang akhirnya mengancam diri sendiri.



PANTAU semua aktiviti anak-anak terutamanya di musim perayaan seperti ini supaya mereka tidak membeli mercun malah jangan terlebih cerdik mengubahsuai mercun sendiri. - GAMBAR HIASAN/BERNAMA

Antara punca berlakunya insiden sebegini kerana adanya pihak yang tidak bertanggungjawab menjual bahan terlarang ini walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh pihak berkuasa untuk membendung dan menghalangnya. Kerancakan sambutan Ramadan dan Aidilfitri juga sekali gus mencetuskan keterujaan dalam aktiviti penyeludupan dan penjualan mercun serta bunga api yang tidak dibenarkan. Dari aspek penjualan misalnya, jika sebelum ini jualan mercun sering dilakukan secara sembunyi-sebunyi peniaga dilihat lebih berani dan semakin licik serta bijak menggunakan pelbagai kaedah untuk menjual mercun termasuklah menggunakan media sosial seperti Facebook.

Mengambil kira senario ini penulis percaya menjelang Aidilfitri nanti pasti lebih banyak aktiviti menyeludup bahan terlarang ini dilakukan oleh pihak tidak bertanggungjawab demi meraih keuntungan berlipat ganda. Mereka ini tidak pernah berputus asa malah sentiasa menunggu peluang untuk menangguk di air yang keruh. Walaupun pihak berkuasa sentiasa menggiatkan aktiviti pemantauan dan penyuatuasaan terutamanya menjelang musim perayaan namun aktiviti penyeludupan dan penjualan mercun ini tetap tidak dapat dibendung sepenuhnya sehingga ke hari ini.

Apapun perkara yang lebih membimbangkan adalah pesta

mercun dan bunga api ini saban tahun meningkatkan jumlah kemalangan dan kecacatan fizikal dalam kalangan kanak-kanak di negara ini. Bilangan anak-anak yang kudung, buta dan cacat anggota badan lain secara kekal akibat mercun dan bunga api dilihat semakin bertambah dan merisaukan semua pihak. Akibatnya juga kedatangan Aidilfitri seolah-olah tidak lagi menjanjikan kemeriahinan yang diharapkan kepada sebilangan besar kanak-kanak dan ibu bapa di negara ini.

Justeru semua pihak perlu menyokong kempen 'Katakan tidak pada mercun' agar kita dapat perangi mercun habis-habisan. Perkara ini tidak mustahil kerana perlu diingat bahawa tidak akan ada penawaran andai tiada permintaan. Jualan mercun berleluasa kerana anak-anak kita mahukannya. Walaupun pihak berkuasa berusaha keras untuk membanteras penyeludupan dan penjualan mercun namun tanpa kerjasama dan komitmen ibu bapa dan masyarakat masalah ini semakin sukar untuk ditangani.

Dalam isu ini, kita tetap mengharapkan pihak berkuasa memainkan peranan seperti biasa misalnya pintu-pintu sempadan terus dipantau dan dikawal sepenuhnya dengan lebih ketat. Hal ini kerana bekalan mercun dikatakan diseludup masuk dari negara jiran dan kita percaya aktiviti penyeludupan ini bakal rancak menjelang sambutan Aidilfitri

tidak lama lagi. Justeru elemen penguatuasaan perlu dilipatgandakan supaya aktiviti penyeludupan ini dapat dikekang.

Dalam pada itu, pihak yang didapati menyeludup dan ditangkap pula perlu dibawa ke muka pengadilan dan dijatuhi hukuman keras dan setimpal supaya menjadi iktibar dan pengajaran kepada orang lain agar tidak melakukan perbuatan sama. Malah penulis juga ingin mencadangkan agar ibu bapa yang lalai, leka, cuai dan terus membenarkan anak-anak membeli dan bermain mercun turut dikenakan tindakan undang-undang yang sewajarnya.

Di samping tanggungjawab pihak berkuasa, peranan ibu bapa dan masyarakat juga ditugih dalam mengatasi kemelut ini di mana mereka perlu lebih agresif dalam mengawal anak-anak dari terjebak ke dalam pesta mercun ini. Sematkan dalam diri dan pemikiran anak-anak untuk katakan tidak pada mercun. Pastikan mereka tidak membazir dengan membeli mercun.

Lebih malang lagi jangan kita pula yang memberikan mercun untuk bermain dengan kawan-kawan mereka. Pantau semua aktiviti anak-anak terutamanya di musim perayaan ini. Mereka bukan saja membeli mercun malah yang terlebih cerdik dan nakal itu mula mengubahsuai mahupun membuat mercun sendiri yang lebih berbahaya dan boleh mengancam keselamatan diri masing-masing.

Selama ini bermain mercun dilihat sudah menjadi satu adat dan tradisi dalam kalangan masyarakat kita terutamanya anak-anak ketika menyambut perayaan namun kita perlu sedar betapa tradisi berbahaya seperti ini tidak wajar lagi dibudayakan mahupun diteruskan. Sudah sampai masanya untuk mengubah tradisi seperti ini. Biarlah kita sambut Ramadan dan Aidilfitri dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. Jangan sesekali biarkan mercun meragut kegembiraan tersebut. Jom kita perangi mercun habis-habisan.